

29/08/2003

Siti Hasmah, Dr M baca puisi

PUTRAJAYA: Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sekali lagi akan menjadi tetamu istimewa dan menyampaikan puisi bertajuk 'Damainya Negeriku' pada Pesta Puisi Patriotik ke-4 malam ini.

Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali pula akan mendeklamasi puisi bertajuk 'Wanita dan Hari Kemerdekaan' pada majlis yang sama.

Ketua Pengarah Biro Tata Negara, Datuk Dr Nordin Kardi, berkata kedua-dua tetamu istimewa itu adalah antara barisan pemimpin negara dan penyajak tanah air yang akan mengambil bahagian dalam pesta berkenaan.

"Majlis yang akan diadakan di Taman Putra Perdana di sini adalah yang keempat diadakan bagi menyemarakkan semangat patriotik sempena Hari Kebangsaan," katanya selepas menerima cek RM50,000 daripada Tenaga Nasional Berhad (TNB), sebagai penaja utama bagi pesta berkenaan, di sini semalam.

Cek disampaikan Pengurus Besar Perkhidmatan Korporat TNB, Nawawi Mohd Said.

Nordin berkata, selain Dr Mahathir dan Dr Siti Hasmah, Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Samsudin Osman dan Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Khamsiyah Yeop juga akan membacakan sajak masing-masing.